

25 AUG 1996

MAJLIS PERPISAHAN UNTUK MENEM DI ISTANA NEGARA (bergambar)

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Presiden Carlos Menem dari Argentina hari ini menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara di sini dalam majlis perpisahan sebagai mengakhiri acara lawatan rasminya ke Malaysia.

Menem yang tiba Khamis lepas akan ke Jakarta esok.

Antara acara utamanya di sini ialah berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meliputi perkara-perkara kepentingan bersama.

Yang turut hadir pada majlis pagi ini ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa selaku menteri pengiring dan Menteri Luar Argentina Guido Di Tella. -- BERNAMA

WNZ MAI